

Mengurus Inflasi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kadar inflasi berdasarkan indeks harga pengguna (IHP) untuk bulan Februari 2016 adalah 4.2 peratus. Ini bermakna harga barangan dan perkhidmatan yang sering dibeli oleh kebanyakan pengguna telah meningkat sebanyak 4.2 peratus berbanding dengan harga barangan dan perkhidmatan yang sama pada bulan Februari 2015. Andaikan seorang pengguna berbelanja RM1,000 untuk membeli barangan dan perkhidmatan tersebut pada bulan Januari 2015. Maka untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang sama pada bulan Januari 2016, pengguna tersebut terpaksa membelanjakan RM1,042. Jika pendapatan pengguna ini tidak meningkat sekurang-kurangnya RM42 berbanding dengan pendapatannya pada bulan Januari 2015, ia menjadi semakin miskin.

Oleh itu, untuk peningkatan taraf hidup seseorang, peningkatan pendapatannya mestilah melebihi peningkatan paras harga atau apa yang dipanggil inflasi. Jika pendapatannya tidak meningkat sejajar dengan kadar inflasi, maka sebenarnya ia semakin miskin. Apatah lagi jika pendapatannya langsung tidak meningkat. Oleh yang demikian, pengawalan kadar inflasi adalah penting untuk sesebuah ekonomi. Kebanyakan negara maju meletakkan sasaran utama untuk mengawal inflasi melalui dasar kewangan mereka.

Terdapat dua punca inflasi. Pertama, disebabkan oleh permintaan yang tinggi. Jika permintaan atau kuantiti yang diminta untuk sesuatu barangan atau perkhidmatan itu meningkat, maka harga barangan atau perkhidmatan akan meningkat. Inflasi sebegini disebut sebagai inflasi tarikan permintaan.

Punca kedua inflasi adalah dari sudut penawaran. Ianya berpunca dari kos pengeluaran. Sekiranya berlaku peningkatan harga terhadap input-input untuk

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pengeluaran, biasanya pengeluar akan menolak kenaikan kos tersebut kepada pengguna dengan menaikkan harga barangan yang dikeluarkannya. Dengan itu pengeluar tersebut mampu mengekalkan kadar keuntungan yang diperolehinya. Inflasi seperti ini disebut sebagai inflasi tolakan kos.

Realitinya, kedua-dua punca tersebut berlaku secara serentak dan sukar dibezakan. Namun, membezakan antara kedua-dua punca inflasi itu tidak penting untuk pengguna. Kaedah untuk menanganinya adalah sama. Walau bagaimanapun, pembezaan punca inflasi ini penting untuk penggubal dasar, yakni kerajaan, kerana kaedah menanganinya adalah berbeza.

Di dalam menguruskan makroekonomi negara, lazimnya kerajaan akan cuba meningkatkan permintaan di dalam negara melalui sama ada dasar kewangan atau dasar fiskal. Apabila permintaan meningkat, aktiviti pengeluaran berlaku, maka ekonomi akan tumbuh. Dalam pada itu, kerajaan juga biasanya akan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk aktiviti ekonomi berkembang, termasuk proses pengeluaran, pengagihan, pemasaran dan sebagainya. Ini dilakukan dengan pembinaan infrastruktur atau secara umumnya disebut pembinaan kapasiti.

Pengurusan makroekonomi ini perlu dilakukan dengan berhemah, kerana ianya berhadapan dengan tukar ganti (*trade off*): pertumbuhan ekonomi yang tinggi melalui peningkatan permintaan akan menyebabkan inflasi yang tinggi. Ini adalah inflasi tarikan permintaan. Maka untuk mengelakkan dari inflasi yang tinggi, kerajaan juga perlu meningkatkan kapasiti ekonomi untuk berkembang. Ini merupakan perancangan jangka panjang. Pengajaran yang perlu difahami di sini adalah: pertumbuhan ekonomi yang tinggi juga turut meningkatkan kadar inflasi sekiranya kapasiti ekonomi tidak berkembang dengan setimpal.

Berbalik kepada situasi semasa, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kadar inflasi kini meningkat, dan bagaimanakah untuk menanganinya dari sudut pengguna? Kadar inflasi semasa 4.2 peratus adalah melebihi purata inflasi jangka panjang negara untuk tempoh melebihi tiga dekad yang lepas iaitu pada kadar 3.0 peratus. Pada penghujung tahun lepas, kadar inflasi adalah 2.7 peratus. Manakala, kadar pada bulan Januari

tahun ini adalah 3.5 peratus. Maka jelas bahawa peningkatan inflasi ini agak mendadak.

Mengikut perangkaan dari Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) kadar inflasi dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu inflasi keseluruhan dan inflasi teras. Inflasi keseluruhan adalah kadar yang biasa kita lihat atau yang sering dirujuk. Kadar inflasi 4.2 peratus untuk bulan Februari 2016 adalah kadar inflasi keseluruhan. Sebahagian dari inflasi keseluruhan ini mengandungi inflasi teras. Contohnya untuk bulan Februari 2016, 2.2 mata peratusan daripada 4.2 peratus kadar inflasi adalah merupakan inflasi teras.

Di dalam mengira inflasi teras ini, JPM tidak mengambil kira barangan dan perkhidmatan yang sering mengalami turun-naik harga. Kesan turun-naik harga barangan seperti ini adalah sementara. Manakala barangan dan perkhidmatan yang diambil kira di dalam inflasi teras adalah lebih stabil. Jika dilihat kepada kadar inflasi keseluruhan untuk bulan Februari 2016, kadar inflasi teras 2.2 peratus adalah lebih stabil. Manakala, kadar selebihnya, yakni 2.0 peratus adalah disebabkan oleh barangan dan perkhidmatan yang mengalami turun-naik harga. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan sebegini adalah bersifat sementara.

Berdasarkan keadaan tersebut, maka adalah dijangka kadar inflasi akan kembali turun kepada sekitar kadar purata di pertengahan tahun ini. Namun demikian, kadar inflasi teras yang melebihi 2.0 mata peratusan adalah agak tinggi berbanding dengan keadaan biasa. Bank Negara dijangka akan mengambil langkah bersesuaian supaya inflasi tidak terus meningkat dan pada masa yang sama memastikan ekonomi mampu tumbuh dengan sihat.

Kejatuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika (USD) juga turut memberi tekanan terhadap harga domestik. Ini kerana kebanyakan transaksi eksport-import didominasi di dalam USD. Kekuatan USD berbanding ringgit memberi tekanan menaik terhadap harga domestik melalui dua saluran. Pertama, secara langsung melalui import barangan pengguna atau barangan siap. Kedua, secara tidak langsung melalui import barangan perantaraan yang digunakan sebagai input untuk pengeluaran. Kenaikan harga barang perantaraan di dalam ringgit (walau pun harga tidak meningkat

di dalam USD) akan melonjakkan kos pengeluaran, yang seterusnya akan menaikkan harga barangan siap. Namun demikian, kesan kenaikan USD dijangka minimum kerana ianya diimbangkan oleh kejatuhan harga minyak yang turut mengurangkan kos pengeluaran.

Untuk mengawal situasi semasa, Bank Negara dijangka akan mengambil langkah untuk mengawal kecairan di dalam ekonomi. Kecairan semasa didapati menurun kerana negara mengalami pengaliran keluar modal, terutama yang terbabit dengan pelaburan jangka pendek di dalam pasaran saham. Kekurangan kecairan menyebabkan aktiviti ekonomi berkurangan, yang dengan sendirinya akan menurunkan harga atau inflasi. Tetapi sebaliknya, kekurangan aktiviti ekonomi akan melemahkan kadar pertumbuhan ekonomi yang turut menjejaskan pekerjaan. Oleh yang demikian, Bank Negara dijangka mengawal kecairan dengan menggalakkan aktiviti pengeluaran dan perniagaan yang lain dan pada masa yang sama mengurangkan hutang pengguna.

Dari sudut pengguna, apakah pula langkah-langkah yang perlu diambil untuk menguruskan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan? Secara umumnya inflasi dapat diurus dengan perbelanjaan berhemah tanpa mengikat perut. Pengguna tidak perlu mengurangkan penggunaan barangan dan perkhidmatan perlu, kecuali penggunaan tersebut tidak berapa perlu dan merupakan satu pembaziran.

Mungkin dua langkah berikut boleh membantu pengguna menguruskan kenaikan harga apabila mereka berbelanja. Pertama, beralih kepada penggunaan barangan pengganti sekiranya berlaku kenaikan harga ke atas sesuatu barangan. Pengguna digalakkan mengetahui atau memahami isi kandungan barangan yang digunakan. Barangan pengganti tersebut mampu memberi fungsi yang sama pada harga yang rendah. Yang penting, pengguna perlu memahami barangan yang digunakan dan tidak terpengaruh dengan iklan, promosi, bungkusan dan sebagainya. Di dalam hal ini, terdapat pasar raya yang menjual pelbagai barangan pengguna dengan jenamanya sendiri dengan harga yang lebih rendah. Sekiranya ramai pengguna berubah kepada barangan pengganti, permintaan untuk barangan asal akan berkurangan dan lama-kelamaan harganya akan turun.

Kedua, amalkan merujuk kepada kos seunit di dalam pemilihan barangan. Kaedah ini mampu untuk membuat perbandingan dengan lebih tepat tanpa tertipu dengan taktik bungkusan oleh pengeluar. Ini bukan sesuatu yang remeh kerana ramai pengguna yang terlepas pandang atau terperangkap. Mungkin satu penambahbaikan perlu dilakukan terhadap peraturan tanda harga sedia ada ke atas peniaga runcit dengan menambahkan harga seunit di samping harga barangan. Amalan ini dilakukan oleh sesetengah pasar raya terkemuka di sesetengah negara. Peraturan ini membuatkan pengguna terdedah kepada maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan yang bijak.